

14 AUG 1996

PELABUR SINGAPURA CARI RAKAN KONGSI DI NEGARA-NEGARA KETIGA

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Pelabur-pelabur Singapura berminat mengadakan lebih banyak usahasama dengan syarikat-syarikat Malaysia di negara-negara ketiga, terutamanya di Selatan.

Presiden Gabungan Perindustrian Singapura Datuk Robert Chua, yang mengetuai misi perdagangan dan pelaburan Singapura untuk lawatan rasmi tiga hari ke sini sejak semalam, berkata jumlah usahasama sedemikian masih lagi kecil.

"Malahan, Perdana Menteri anda (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) mahu melihat kita melabur di tempat-tempat berkenaan," katanya selepas mengadakan pertemuan sejam dengan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri.

Menurut Chua perdagangan antara kedua-dua negara telah meningkat sejak beberapa tahun lepas kepada lebih S\$50,000 juta (RM89,000 juta) pada masa ini.

Beliau berkata pelabur-pelabur Singapura mahu menambah jumlah itu dengan mencari peluang-peluang baru seperti melabur dalam Koridor Raya Multimedia Malaysia dan membentuk usahasama dengan negara-negara ketiga seperti Vietnam dan Myanmar.

"Kami akan membincangkan perkara secara terperinci dengan sektor swasta Malaysia tidak lama lagi," katanya. -- BERNAMA

AH NAK